

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 Mac 2017

SOALAN

Dato' Dr. Nik Mazlan bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan statistik kes-kes penderaan ke atas wanita/isteri sejak tahun 2010 sehingga kini dan berapakah kos yang telah dibelanjakan bagi menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini. Sesungguhnya sebarang konflik dan cabaran rumah tangga perlu diselesaikan dengan cara berhemah dan bijak tanpa melibatkan keganasan berbentuk fizikal, psikologi, emosi dan mental. Bagi menangani kes-kes keganasan rumah tangga, Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) telah digubal pada tahun 1994. Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak 4397 kes penderaan ke atas wanita dari tahun 2010 sehingga 2016. Pecahan kes adalah seperti berikut: Tahun 2010 - 547 kes Tahun 2011 - 649 kes Tahun 2012 - 548 kes Tahun 2013 - 477 kes Tahun 2014 - 696 kes Tahun 2015 - 628 kes Tahun 2016 - 852 kes Jumlah - 4397 kes Antara tindakan yang diambil oleh KPWKM bagi membantu membendung isu keganasan terhadap wanita ialah :

- a) Menyediakan khidmat kaunseling dan psikologi seperti perkhidmatan intervensi kaunseling dan program psikopendidikan yang dijalankan oleh Pegawai Psikologi di JKM, LPPKN atau JPW; b) Menjalankan program advokasi dan literasi undang-undang kepada orang awam untuk menyebarkan maklumat berkenaan saluran bantuan dan aduan serta memberi kefahaman berkaitan peruntukan undang-undang seperti Seminar Literasi Undang-Undang (LUU) yang telah dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Wanita pada setiap tahun. Sebanyak 104 program LUU telah dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2010 sehingga 2016 dengan penglibatan seramai 17,330 orang peserta melibatkan kos sebanyak RM542,109.40. c) Menjalankan program seminar Wanita Anti Jenayah (WAJA) bagi meningkatkan kesedaran dan mengukuhkan kefahaman di kalangan individu dan masyarakat tanpa mengira jantina mengenai isu keganasan terhadap wanita seperti rogol, cabul kehormatan, keganasan rumah tangga, jenayah siber, gangguan seksual, pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Bagi tahun 2012 sehingga 2016, sebanyak 110 program telah dilaksanakan di seluruh negara dengan penglibatan seramai 27,628 orang peserta melibatkan kos sebanyak RM706,140.70; dan d) Penyediaan perkhidmatan Tempat Selamat kepada mangsa yang disediakan oleh JKM. Bagi tahun 2010 sehingga tahun 2016, sebanyak RM182,672.00 telah dibelanjakan bagi menanggung kos memberi perlindungan kepada seramai 280 orang mangsa wanita di institusi Tempat Selamat di bawah JKM. Kos ini meliputi makan minum, tempat tinggal, gaji kakitangan, utiliti dan keperluan penghuni seperti, pakaian, ubatan dan barangan penjagaan diri.

